

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2016

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha yang sedang diambil untuk membendung kejatuhan nilai ringgit dalam pasaran matawang yang kian teruk berbanding negara-negara ASEAN yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan oleh YB Limbang, YB Taiping, YB Kuala Kedah dan YB Sepanggar bertarikh 14 sehingga 21 November 2016, memandangkan semua soalan tersebut menyentuh isu yang sama iaitu mengenai faktor-faktor penyusutan nilai ringgit dan langkah-langkah menstabilkannya.

2. Pada amnya, sebagai sebuah negara yang terbuka dan terdedah kepada ekonomi dunia, Malaysia turut terjejas berikutan ketidaktentuan ekonomi global termasuk kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia. Nilai mata wang ringgit telah menyusut sebanyak 18.6% pada tahun 2015. Penyusutan ini bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong oleh faktor dalaman dan luar negeri seperti yang turut dialami oleh mata wang serantau. Hakikatnya, 123 daripada 149 mata wang dunia yang lain turut mengalami penyusutan nilai berbanding dolar AS disebabkan oleh pengukuhan dolar AS. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran, volatiliti mata wang, termasuk ringgit adalah sesuatu yang mungkin berlaku, terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu.

3. Namun begitu, trend penyusutan ini telah beralih arah pada tahun 2016. Sehingga 25 Oktober 2016, ringgit menambah nilai sebanyak 2.8% berbanding dolar AS. Penambahan nilai ringgit disebabkan oleh aliran masuk dana portfolio berikutan sentimen pelabur yang lebih baik didorong oleh faktor luaran dan domestik. Selain itu, faktor-faktor utama yang menyokong kekuatan ringgit termasuk kadar faedah yang rendah atau negatif dalam beberapa ekonomi utama dan pemulihan harga minyak mentah dunia dari paras terendah pada tahun 2015. Seterusnya, pertumbuhan mapan ekonomi Malaysia yang

disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, komitmen Kerajaan terhadap konsolidasi fiskal dan komunikasi yang berkesan bagi memperbetulkan persepsi mengenai kebergantungan Malaysia terhadap hasil pendapatan daripada minyak mentah telah meningkatkan sentimen pelabur dan menyokong aliran masuk dana portfolio ke dalam Malaysia.

4. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mengukuhkan nilai ringgit. Ketidaktentuan yang berlarutan dalam persekitaran ekonomi global memberi kesan kepada kadar pertukaran mata wang. Dalam menangani volatiliti nilai ringgit dalam jangka masa pendek, Bank Negara Malaysia (BNM) menjalankan intervensi dua hala dalam pasaran pertukaran asing untuk mengawal tekanan aliran modal. Usaha-usaha juga dilaksanakan bagi membangun dan memperdalam pasaran pertukaran asing dalam negeri dari segi saiz dan instrumen bagi membolehkan industri dan peniaga tempatan mengurus risiko terhadap volatiliti mata wang. Dalam jangka masa panjang pula, nilai ringgit didorong oleh kekuatan asas ekonomi negara. Dalam hal ini, usaha untuk mentransformasikan ekonomi termasuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan, pembaharuan fiskal dan langkah untuk memastikan sistem kewangan yang kukuh dan stabil akan dapat memberi sokongan ke arah pengukuhan nilai ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Walaupun usaha-usaha Kerajaan dalam mengukuhkan nilai ringgit telah membuah hasil, namun adalah penting untuk diketahui bahawa sebagai sebuah ekonomi terbuka, negara kita terdedah kepada ketidaktentuan ekonomi global, termasuklah ketidakpastian dasar monetari ekonomi maju dan tren harga minyak mentah global. Perkara ini menyebabkan sentimen pelabur boleh beralih arah di masa hadapan dan akan menyebabkan volatiliti dalam kadar pertukaran ringgit. Sungguhpun demikian, kesan ini dijangka memberi impak yang tidak ketara kepada negara kita memandangkan struktur ekonomi yang kini lebih pelbagai serta disokong oleh asas ekonomi yang meluas, kekukuhan daya tahan dan peningkatan daya saing.

6. Sehubungan itu, dalam jangka masa panjang, prestasi nilai ringgit didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara yang terus mapan. Justeru, Kerajaan sentiasa mengambil langkah pengurusan makroekonomi yang pragmatik bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara. Dalam hal ini, usaha untuk mentransformasikan ekonomi termasuk mempelbagaikan sumber

pertumbuhan, pembaharuan fiskal dan langkah untuk memastikan sistem kewangan yang kukuh dan stabil akan memberi sokongan ke arah pengukuhan nilai ringgit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN : 36

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan status terkini projek landasan kereta api TransAsia yang bakal menghubungkan Singapura ke Kuala Lumpur, Bangkok dan Kunming, sekiranya kos projek masih bernilai USD1.8 bilion, senaraikan pembiaya dan dapatan sebarang *"Cost-Benefit Analysis"*

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jajaran kereta api TransAsia akan menghubungkan 28 negara ahli *TransAsia Railway* seterusnya menghubungkan benua Asia dengan benua Eropah. Bagi rantau ASEAN, negara-negara ASEAN dan China telah bersetuju untuk melaksanakan projek Singapore – Kunming Rail Link (SKRL) yang menghubungkan Singapura ke Kunming, Republik Rakyat China.

Berdasarkan laporan yang dibentangkan pada Mesyuarat *Special Working Group* SKRL (SWG-SKRL) pada 27-28 Julai 2016 yang lalu, kesemua negara-negara yang terlibat telah menunjukkan komitmen yang memberansangkan terutamanya bagi projek naik taraf dan rehabilitasi jajaran keretapi. Namun begitu, bagi projek sambungan *missing link*, hanya sambungan yang menghubungkan Kemboja dan Thailand sahaja yang menunjukkan prestasi yang memberansangkan. Jajaran antara Klong Sip Kao Junction (Thailand) – Aranyaprathet (Thailand) - Klong Luk (Thailand) dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2016. Manakala bagi seksyen Poipet (Kemboja) – Phnom Penh (Kemboja) dijangkakan siap pada tahun 2017.

Sementara itu, projek sambungan *missing link* lain iaitu antara Myanmar – Thailand, Kemboja – Vietnam, Vietnam – RRC dan Myanmar – RRC masih dalam peringkat cadangan serta peringkat rundingan dengan pihak ketiga untuk pembiayaan.

Sejak diawal inisiatif pembangunan SKRL, kesemua negara ahli telah bersetuju dengan jajaran yang telah ditentukan. Selain itu, setiap negara ahli SKRL bertanggungjawab untuk membiayai dan melaksanakan projek ini di negara masing-masing. Sehubungan itu, segala perincian kos serta kajian dapatan berkenaan "*Cost-Benefit Analysis*" adalah maklumat terperingkat yang hanya dimiliki oleh negara-negara tersebut.